



• SAMA tangkas dan sama cekap... Hashimah Kassim, 16 tahun (kanan) dan Roslina Ali, 14 tahun (kiri), antara empat peserta wanita dalam pertandingan akhir Seni Silat Gayung Olahraga di Balai Rakyat Yio Chu Kang kelmarin.

Ramai ikut serta pertandingan

Seni Silat Gayung

ANAK-ANAK / SILAT

28 APR 1987

MINAT untuk menguasai selok-belok seni silat telah mendorong kebanyakan peserta menyertai pertandingan akhir Seni Silat Gayung Olahraga anjuran Seksi Budaya Melayu dan Seksi Seni Silat Gayung Balai Rakyat Yio Chu Kang kelmarin.

Mereka berpendapat, ia

perlu dipelajari kerana ia bukan saja menjadikan seseorang mempunyai disiplin diri dan sihat tetapi juga sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Dua orang adik beradik, Encik Adam Malik Radi dan adiknya Encik Hamka Radi, adalah di antara 10 peserta dewasa yang menyertai pertandingan tersebut.

Encik Adam Malik, 20 tahun, berkata: "Minat dalam seni silat gayung telah mendorong saya mengikutinya sejak tiga tahun lalu. Kita bukan saja akan bertambah cergas tetapi dapat menjauhkan diri daripada terjerumus dalam kegiatan tidak sihat."

Bagi Encik Hamka pula, 19 tahun, dan seorang anggota Perkhidmatan Negara dengan Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF), pertandingan ini adalah pertama kali disertainya.

"Ilmu seni silat ini harus dikekalkan dan dipelajari terutama generasi muda kerana ia merupakan satu seni pertahanan diri tradisional yang dapat membentuk disiplin diri," kata Encik Hamka yang juga bergiat dalam senibina badan.



• ENCIK SULAIMAN 'Pertandingan adalah untuk menguji kecekapan para ahli seksu.'



• MOHD Taufiq Jasin (kanan), tiga tahun, dan adiknya Mohd Hidayat Jasin, satu setengah tahun, mengenakan pakaian silat bukan untuk pertandingan, tetapi untuk bergaya di Balai Rakyat Yio Chu Kang kelmarin.

Hashimah Kassim, pelajar Institut Kejuruan Ang Mo Kio 16 tahun, pula berkata bahawa beliau mempelajari dan seterusnya mengambil bahagian dalam pertandingan itu kerana ia dapat digunakan untuk mempertahankan diri jika berlaku sesuatu yang tidak diingini.

Bagi dua orang kanak-kanak, Herman Dhali, lapan tahun, penuntut darjah dua Sekolah Rendah Li Hua dan Mohd Faizal Ali, enam tahun, penuntut Sekolah Rendah Hong Dao, penyertaan mereka adalah di atas galakan ibu dan bapa masing-masing setelah beberapa bulan berla-

tih di balai tersebut.

Menurut seorang juru-rakap pertandingan yang juga ketua jurulatih Seksi Seni Silat Gayung balai tersebut, Encik Sulaiman Wakijo, 29 tahun, pertandingan tersebut adalah untuk menguji kecekapan para ahli seksu tersebut.

Seramai 10 peserta kanak-kanak, 10 peserta lelaki dewasa dan empat wanita mengambil bahagian dalam pertandingan yang dibahagikan kepada 12 peringkat.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Anggota Parli-men Kawasanundi Yio Chu Kang, Encik Lau Ping Sum.